

KENYATAAN MEDIA LAWATAN TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA

8 SEPTEMBER 2025 (ISNIN)

KATA ALUAN

Assalamualaikum w.b.t. Salam Sejahtera. Salam Malaysia Madani.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak media yang hadir pada hari ini. Serta kakitangan agensi kerajaan yang telah memberi kerjasama penuh sejak berlakunya kejadian gempa bumi pada 24 Ogos 2025 yang lalu.

PENDAHULUAN

Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Segamat telah menjalankan pemeriksaan menyeluruh terhadap premis / bangunan kerajaan serta pemantauan aset jalan dan jambatan selepas kejadian gempa bumi dengan magnitud 4.1 pada 24 Ogos 2025 di Daerah Segamat, Johor. Kejadian ini turut disusuli lima gegaran susulan antara 24 hingga 30 Ogos 2025.

TINDAKAN PEMERIKSAAN (BANGUNAN)

Sejurus selepas kejadian, JKR Segamat telah menggerakkan pasukan teknikal untuk memantau tahap keselamatan struktur bangunan kerajaan yang Kritikal seperti hospital, klinik kesihatan, sekolah, kuarters kerajaan, serta pejabat agensi kerajaan yang lain.

Sebanyak 15 buah premis / bangunan di Segamat ini yang telah diperiksa melalui laporan yang diterima melibatkan Hospital Segamat, Klinik Kesihatan Bandar Putra, Kolej Komuniti Segamat, Pejabat Kadi Daerah, sekolah-sekolah dan kuarters kerajaan.

Hasil pemeriksaan mendapati beberapa premis bangunan tersebut mengalami kerosakan kecil seperti keretakan pada permukaan plaster panel dinding, regangan antara panel dinding dengan tiang/ rasuk, retakan pada pepenjuru dinding, regangan antara siling dengan dinding dan kemas siling yang jatuh.

Selaian itu, Pasukan Forensik, Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur (CKAS) JKR turut telah melaksanakan pemeriksaan terhadap keselamatan bangunan-bangunan tersebut.

Secara keseluruhan integriti struktur bangunan yang diperiksa tidak terjejas dan disahkan stabil dan selamat digunakan. Kerja-kerja pembaikan segera perlu dilaksanakan bagi mengelakkan kesan jangka panjang terhadap kebolekhidmatan dan integriti struktur bangunan.

TINDAKAN PEMANTAUAN (ASET JALAN&JAMBATAN)

Selain pemeriksaan bangunan, JKR turut melaksanakan pemantauan terhadap aset jalan dan jambatan di Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri dengan butiran berikut :

- Jumlah panjang Jalan Persekutuan: 325 km
- Jumlah panjang Jalan Negeri: 242.11 km

Jumlah Jambatan&Jejantas dalam Radius Gempa Bumi:

- Jambatan di Jalan Negeri: 47 buah
- Jejantas di Jalan Negeri: Tiada
- Jambatan di Jalan Persekutuan: 14 buah
- Jejantas di Jalan Persekutuan: 10 buah

Status Pemantauan :

Berdasarkan pemeriksaan, tiada kerosakan dilaporkan pada aset jalan dan jambatan di seluruh daerah Segamat

Tindakan Awalan :

Pihak Konsesi dan Pasukan Inspektorat sentiasa melaksanakan pemantauan berkala bagi meninjau jika terdapat kerosakan pada aset jalan dan jambatan milik

JKR. Pihak Konsesi juga sentiasa bersiap siaga untuk melaksanakan kerja kecemasan sekiranya diperlukan, termasuk penutupan jalan sementara (TMP), pembersihan, dan tindakan pembaikan segera.

REKABENTUK

Untuk makluman juga, JKR telah mengambil kira faktor seismik dalam rekabentuk bangunan dan jambatan semenjak MS EN 1998 National Annex dilancarkan pada September 2017. Rekabentuk bangunan kerajaan dan jambatan pada RMK12 bermula Rolling Plan 1 hingga Rolling Plan 5 telah sepenuhnya mengambil kira faktor seismik dalam analisis dan rekabentuk berdasarkan lokasi tapak (very low seismicity, low seismicity, medium seismicity dan hard seismicity). Penggunaan bahan yang berkualiti seperti gred Konkrit yang lebih tinggi, perincian besi mengikut MS EN 1998 turut telah digunakan di dalam pembinaan.

Keperluan faktor seismik dalam analisis ini dikira berdasarkan keberadaan tapak mengikut Peak Ground Accelaration (PGA) Hazard Map di dalam National Annex.

KOMITMEN JKR

JKR Segamat ketika ini sedang memperincikan laporan serta cadangan kerja pembaikan bagi bangunan terkesan, di samping meneruskan pemantauan rapi terhadap aset jalan dan jambatan. Kerjasama erat dengan pihak berkuasa tempatan dan agensi berkaitan akan diteruskan bagi memastikan keselamatan orang awam sentiasa terjamin.

JKR ingin menegaskan komitmen untuk memastikan setiap infrastruktur awam berada dalam keadaan selamat, berfungsi dengan baik, dan mampu menampung keperluan rakyat.

— Tamat —

Disediakan oleh:

Jabatan Kerja Raya Daerah Segamat

8 September 2025